

Terengganu hantar tiga pelajar ke 10 universiti terbaik dunia

Kuala Terengganu: Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Tenaga dan Air negeri bercadang menghantar sekurang-kurangnya tiga pelajar cemerlang melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Islam di mana-mana 10 universiti terbaik dunia bermula tahun depan.

Pengerusinya Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, pihaknya sedang menyiapkan kertas kerja cadangan sebelum program itu dilaksanakan.

Katanya, untuk permulaan, tiga pelajar Sekolah Imtiaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran dan mendapat keputusan cemerlang dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) akan dipilih menyertai program berkenaan.

"Kerajaan negeri akan memilih 10 universiti terbaik dunia untuk menempatkan pelajar berkenaan dan diha-

Kerajaan negeri sedang menyiapkan kertas cadangan sebelum program itu dilaksanakan.

Untuk permulaan, tiga pelajar Sekolah Imtiaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran dipilih"

Ahmad Razif Abdul Rahman

rap - program berkenaan mampu melahirkan pelajar mahir dalam sains Islam.

"Kita bekerjasama dengan Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZa) dalam membentuk satu kertas kerja bagi melaksanakan program berkenaan," katanya pada si-



AHMAD Razif (kanan) merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Astronomi sambil disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif PSKT Ahmad Farhan Abdul Wahab.

dang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Astronomi di PSKT, di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah itu diambil berikutan kekurangan ilmuan Islam yang mahir dalam bidang sains.

"Kerajaan negeri akan mengadakan perjanjian bersama pelajar yang dipilih sebelum menghantar mereka melanjutkan pelajaran. Di-

harapkan dengan program berkenaan, pelajar yang tamat pengajian dapat menyumbang tenaga dengan bekerja di PSKT dan agensi kerajaan negeri yang lain," katanya.

Mengulas mengenai PSKT, beliau berkata, sebuah kompleks baru PSKT bernilai hampir RM70 juta seluas 60 hektar sedang dalam pembinaan di Kampung Bukit, Chendering, di sini.